

MODEL WAKAF KONTEMPORARI DALAM BIDANG PERTANIAN BAGI OKU

MOHD NASIR BIN ALI

Universiti Islam Selangor

mohdnasir@uis.edu.my

UMMI NABILAH BINTI NASERUN

Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Wakaf merupakan institusi penting dalam membangunkan umat Islam, bukan sahaja dari sudut keagamaan dan sosial malahan ia juga melibatkan pembangunan sumber ekonomi. Perkembangan wakaf telah dipelbagaikan serta berinovasi seperti wakaf kontemporari yang telah menjadi perhatian utama oleh masyarakat kerana ia merupakan platform terbaik untuk berwakaf. Institusi wakaf mungkin boleh mempertimbangkan penglibatannya dalam membangunkan tanah wakaf dengan aktiviti pertanian (wakaf pertanian) sebagai alternatif dalam membantu ekonomi terutama penyumbang kepada bekalan makanan asas serta keterjaminan makanan dapat dipelihara. Oleh itu, pengurusan wakaf dalam sektor pertanian ini boleh menggunakan kaedah kontrak al-Muzara'ah atau al-Mukhabarah, al-Musaqah dan al- ijarah iaitu dengan menggabungkan produk keluaran dan perkongsian keuntungan sebagai model dalam mengusahakannya. Walaubagaimanapun begitu kita perlu melihat peranan potensi wakaf dalam membantu OKU untuk Kelangsungan Hidup Serta Dapat Terlibat Sama Dalam Pembangunan Ekonomi negara.

Kata kunci: wakaf pertanian, OKU, pembangunan ekonomi.

PENGENALAN

Wakaf merupakan institusi penting dalam membangunkan umat Islam, bukan sahaja dari sudut keagamaan dan sosial malahan ia juga melibatkan pembangunan sumber ekonomi. Selain itu, ia juga memainkan peranan dalam membangunkan insan kerana dengan mewakafkan harta yang dikasih akan mendidik jiwa menjadi seorang yang berjaya, mengikis sifat mementingkan diri dan terlalu kasih kepada dunia, memperteguhkan persaudaraan antara sesama muslim, menanam sifat bertimbang rasa dan kasih kepada ummah serta menanam sifat kepada keredhaan Allah SWT.

Seiring dengan peredaran zaman, perkembangan wakaf telah dipelbagaikan serta berinovasi seperti wakaf kontemporari yang telah menjadi perhatian utama oleh masyarakat kerana ia merupakan platform terbaik untuk berwakaf. Oleh yang demikian, sehingga kini model wakaf bersifat kontemporari ini masih dapat dirasai dan dinikmati dalam mengukuhkan ekonomi secara keseluruhannya.

Justeru itu, kajian ini cuba mengetengahkan wakaf semasa melalui model wakaf kontemporari dalam bidang pertanian bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Kajian ini dilakukan bagi memperkenalkan konsep wakaf pertanian sebagai model baharu agar konsep ini dapat membantu Orang Kurang Upaya (OKU) turut serta membangunkan ekonomi negara secara mampan dan mampu untuk membasmi kemiskinan terutama di Malaysia terutamanya golongan OKU.

Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa harta wakaf adalah tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama, akan tetapi harta wakaf tidak hanya tertumpu pada pembinaan masjid, tanah kubur dan pembangunan sahaja. Malahan institusi wakaf pada hari ini semakin berkembang seiring dengan keperluan serta keadaan semasa. Antara wakaf kontemporari ialah, wakaf tunai, wakaf korporat, wakaf sukuk, wakaf saham dan sebagainya. (Sayuti Ab Ghani dan Burhanuddin Jalal, 2019)

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam Islam, perkembangan wakaf dilihat bermula pada era penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah. Terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan bagaimana wakaf telah dijadikan tempat untuk menjamin pemilikan aset terus kekal dan memberikan manfaat kepada umat Islam secara bersama. Antara tiga peristiwa yang telah wujud sejak zaman awal Islam lagi dengan menggambarkan aktiviti wakaf dalam bidang pertanian iaitu menerusi peristiwa wakaf telaga *Rumāt* oleh Saidina Uthman bin Affan, wakaf tanah kebun di Khaibar oleh Saidina Umar al-Khattab dan yang terakhir ialah wakaf kebun kurma *Bayruhā`* oleh Abu Talhah (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018).

Konsep Wakaf

Wakaf merupakan salah satu ibadah *Māliyyah* yang mempunyai kelebihannya tersendiri disamping mempunyai nilai *tagarrub* iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menzahirkan pengabdian diri *ta`abud* serta berkait juga dengan *ta`awun* iaitu saling bantu membantu dalam kalangan masyarakat (Siti Halimah Putung Saini Ag. Damit, Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar dan Dg.Hafizah Binti Ag.Basir, 2013). Pembangunan harta wakaf boleh dilaksanakan sama ada secara individu, masyarakat atau institusi wakaf. Selain itu, wakaf juga turut menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan sosial masyarakat Islam malah mendapat ganjaran yang berkekalan dari Allah SWT. Maka, seiring dengan kefahaman ini konsep dan prinsip wakaf dalam Islam ini perlu difahami dan ditelesuri.

Definisi Wakaf

Perkataan wakaf berasal dari bahasa arab *waqf* yang mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri seperti berhenti (*as-sakanu*), menegah (*al-man`u*), dan menahan (*al-habsu*) disebutkan oleh Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1990). Ulama` fiqh bersepakat mendefinisikan perkataan wakaf mengikut makna menahan kerana makna ini lebih hampir kepada pengertian syarak dan sering diucapkan oleh Rasulullah SAW (Al-Khatib al-Syarbini, 1997).

حبس الأصل وسبل التمرأة

Maksudnya:

“Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah”

Dari sudut lain, wakaf menurut pandangan ulama` seperti Mazhab Syafi`i mendefinisikan harta yang ditahan serta boleh diambil manfaatnya dengan dikekalkan zat, manakala pemilik harta itu akan terputus hak pemiliknya (Muhammad `Ubayd al-Kabisi, 1997). Daripada takrif ini menunjukkan bahawa ciri-ciri harta wakaf adalah sesuatu harta yang boleh dimanfaatkannya, mestilah bersifat kekal dan tidak boleh dipindah milik serta digunakan untuk tujuan kebajikan semata-mata. Dari segi pemilikan, pewakaf tidak mempunyai kuasa

terhadap harta yang diwakafkan kerana ia telah menjadi milik penerima wakaf selagi harta itu boleh diambil manfaatnya.

Selain itu, dari sudut pandangan Mazhab Hanbali pula, menahan fizikal sesuatu harta dan digunakan manfaatnya (Muhammad al-Syarbini al-Khatib, 1958). Makna ini lebih umum daripada pandangan Imam Syafi'i kerana harta wakaf boleh diberikan sahaja kepada penerima wakaf, sedangkan harta wakaf hukumnya hanya boleh diambil manfaat atau hasilnya sahaja. Pewakaf tidak boleh mengambil manfaat daripada apa yang diwakafkan kecuali dalam keadaan di mana pewakaf meletakkan syarat bahawa dia juga boleh mengambil manfaat dari harta tersebut atau keadaan harta yang diwakafkan itu berbentuk kegunaan umum seperti wakaf masjid, tanah perkuburan dan lain-lain.

Di samping itu, pandangan dari Mazhab Hanafi yang mengatakan wakaf adalah menahan harta serta kedudukan harta masih kekal di bawah penguasaan pewakaf. Pewakafan hanya berlaku ke atas manfaat itu sahaja tanpa melibatkan aset harta. Pemilikan akan lopus apabila pewakaf telah meninggal dunia (Muhammad 'Ubayd al-Kabisi, 1997). Dari takrif yang dikemukakan oleh Mazhab Hanafi ini apa yang dapat disimpulkan ialah sebarang harta yang diwakafkan hanya untuk manfaat kebaikan dan harta yang diwakafkan itu masih lagi menjadi pemilik pewakaf yang mana pewakaf masih lagi mempunyai kuasa di atas harta yang diwakafkan itu kerana wakaf itu hanya penggunaan manfaat sahaja bukan aset itu.

Mazhab Maliki pula menyatakan wakaf ialah memberi manfaat sesuatu harta itu selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut kepada pewakaf (al-Zuhayli, 2002). Sekiranya pewakaf telah membahagikan harta pusaka tersebut kepada ahli warisnya, maka ia menjadi harta pusaka dan tidak lagi dianggap sebagai harta wakaf. Hal ini kerana, harta yang diwakafkan itu tidak disyaratkan sebagai harta yang kekal sebagai syarat penerimaan walaupun wakaf masjid. Persamaan antara Mazhab Maliki dan Hanafi ialah pada tempoh wakaf yang tidak disyaratkan kekal untuk selama-lamanya ataupun pewakaf boleh meletak sebarang syarat ke atas harta yang diwakafkan serta pewakaf boleh memiliki semula harta yang telah diwakafkan itu tetapi tidak boleh menggunakan harta yang diwakafkan itu. Ini menunjukkan pewakaf tiada kuasa terhadap aset yang diwakafkan sepanjang tempoh diwakafkan dan pemilikan akan kembali kepada pewakaf apabila tempoh tamat.

Sementara itu, menurut Mohd Ali Muhamad Don (2019) terdapat juga definisi yang dikemukakan oleh ulama' kontemporari seperti al-Sayyid Sabiq yang menyatakan wakaf sebagai menahan harta dan memberikan manfaat untuk kegunaan di jalan Allah. Selain itu, Muhammad Bakar Ismail menyatakan wakaf ialah menahan harta benda berupa rumah atau tanah di jalan Allah untuk menginfakkan hasilnya bagi kegunaan para penuntut ilmu yang memerlukan.

- Bersifat kekal fizikalnya.
- Jelas jenis dan pemilikannya.
- Tidak daripada jenis yang diharamkan.
- Tidak boleh digunakan untuk tujuan lain kecuali jika disyaratkan.
- Hasil daripada harta wakaf yang mempunyai faedah umum atau khusus.

Kategori Harta Wakaf

Terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan iaitu harta tidak alih dan harta alih. Harta tidak alih atau *ghair manqul* adalah wakaf yang tidak boleh berpindah, dipindah, diubah dari tempat asalnya dan biasanya banyak diwakafkan malah ia merupakan amalan tradisi di zaman Rasulullah dan sahabat. Para ulama` pernah mengungkapkan bahawa semasa kehidupan Rasulullah tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah iaitu menurut Ibn Qudamah, Ibn Abidin dan al-Ramli. Oleh itu, mereka bersetuju bahawa amalan wakaf adalah sah dibuat daripada harta-harta tidak alih kerana ianya bersifat kekal pada aset dan manfaat yang diwakafkan.

Harta alih atau *manqul* iaitu aset wakaf yang mudah dibawa, dipindahkan atau yang boleh diubah dari tempat asalnya dan dapat dimanfaatkan secara langsung. Oleh bagaimanapun, tidak semua ulama` berpandangan ianya boleh diwakafkan kerana elemen kekal tidak wujud dalam aset yang diwakafkan. Namun begitu, mengikut jumhur ulama` seperti Imam Syafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat mestilah tidak habis semasa digunakan (Asmak Ab Rahman, 2009).

Sarjana Islam masa kini membahagikan wakaf kepada jenis-jenis yang tertentu. Pembahagian ini pula boleh jadi berbeza dan mengikut pada sesebuah negara. Di Mesir ia terbahagi kepada dua jenis iaitu: wakaf *khairy* dan wakaf *ahli*, manakala di Syria dan Iraq dibahagikan tiga jenis iaitu wakaf *zurriy*, wakaf *khairy*, dan wakaf *musytarak* (al-Qudha, 2011). Di Malaysia pula wakaf terbahagi kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas. Terkini wakaf semasa dikategorikan sebagai wakaf kontemporari yang merujuk kepada wakaf yang diperlakukan dalam konteks zaman sekarang serta mencerminkan evolusi tradisi wakaf untuk menjawab segala perubahan sosial, ekonomi dan lingkungan dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa konsep wakaf kontemporari ini terus relevan dan dapat diadaptasi dalam memenuhi segala keperluan masyarakat semasa. Rohaizah Abas (2024) menyatakan bahawa wakaf kontemporari adalah wakaf yang bertujuan untuk memberikan manfaat berbentuk khas seperti masjid, surau, madarasah dan tanah perkuburan serta diinovasikan mengikut keperluan semasa seperti hotel, klinik, perumahan, pertanian dan lain-lain.

Antara wakaf kontemporari ialah wakaf pertanian. Wakaf pertanian ini adalah salah satu bentuk wakaf yang dikhatusukan untuk tanah dalam konteks pertanian. Dalam konteks ini seseorang atau institusi boleh mendermakan sebidang tanah atau sumber pertanian lain yang bertujuan untuk memberi manfaat, faedah, penghasilan kepada pertanian. Hal ini dapat meningkatkan lagi kebajikan masyarakat dan menyokong ekonomi tempatan.

Hal ini disokong oleh, Muhammad Mustaqim Kamaruzaman (2024) menyatakan wakaf pertanian merupakan aktiviti sektor pertanian yang dijalankan khusus bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat Islam. Contohnya, projek pertanian yang dijalankan di atas tanah wakaf dan hasil dari projek berkenaan sama ada dari segi hasil pertanian atau sejaan tanah wakaf akan dikembalikan kepada tabung wakaf. Menurut Jahari Abdol (2024) pula wakaf pertanian ialah tanaman yang diusaha dan hasilnya diwakafkan kepada orang ramai. Pengusahaan di atas tanah wakaf ini mungkin dari sebuah syarikat atau individu lain yang diberi kepercayaan kepada mereka untuk mengusahakannya di atas tanah itu.

Oleh itu kajian cuba melihat wakaf pertanian cuba diketengahkan kepada golongan OKU dengan menyediakan model wakaf pertanian menggunakan kontrak *al-Muzara`ah* atau *al-Mukhabarah*. Ini kerana sebahagian golongan OKU boleh dilibatkan dalam industri pertanian serta menjana pendapatan bagi golongan tersebut. Ini akan memberikan ruang yang lebih luas kepada mereka terlibat dalam menyediakan keperluan kehidupan Masyarakat.

Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai potensi wakaf kontemporari dalam bidang pertanian antaranya jika diimbau sewaktu zaman nabi iaitu khalifah Uthman bin Affan yang tidak asing lagi, merupakan seorang sahabat nabi yang sungguh dermawan dan kaya raya serta bermurah hati. Banyak pengajaran yang boleh diambil dari kisah beliau yang sering mendermakan dan mewakafkan hartanya ke jalan Allah. Malahan itu, ini menunjukkan wakaf sangat berperanan serta perlu juga dititikberatkan kepada pembangunan sosio-ekonomi terutamanya pada aspek pertanian demi membantu, membangun dan membina negara untuk kesejahteraan hidup masyarakat dan bukan hanya setakat aspek keagamaan.

Menurut Faridah Haji Puteh (2021) aktiviti pertanian masa kini menampakkan kegigihan kerajaan dalam memajukan ekonomi negara selain bergantung kepada hasil minyak dan gas. Selain itu, aktiviti ini juga sangat penting dalam penyediaan makanan bagi masyarakat setempat di samping menjana pendapatan sebelum terjadinya kejadian yang tidak diingini seperti rusuhan dan bencana alam. Kejadian ini akan menyebabkan kebergantungan sumber makanan kepada pengimportan dari luar negeri. Pada waktu yang sama, aspek pertanian juga dapat meluaskan lagi peluang pekerjaan serta menjadi sumber pendapatan utama sekaligus dapat membantu meningkatkan pendapatan negara. Malahan, aktiviti ini juga dipercayai mampu memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi bagi negara yang sedang membangun.

Antara salah satu peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi ialah dalam memajukan sektor pertanian menurut Asmak Ab Rahman (2009) kebanyakannya negeri sudah mewujudkan sektor wakaf pertanian antaranya, negeri Johor iaitu pada 28 September 1994 (wakaf *irshod*) dengan kerja usaha sama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor dalam mengusahakan ladang tersebut dengan penanaman sawit di atas tanah seluas 3900 ekar.

Seterusnya, di Terengganu antara saham yang telah diusahakan ialah saham berbentuk perwakafan pokok dan ladang kelapa sawit iaitu pewakaf membeli tanah dan kelapa sawit, kemudiannya mewakafkan pokok dan tanah tersebut serta hasilnya akan diberikan kepada anak-anak yatim dibawah kendalian Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA) Terengganu.

Di samping itu, antara projek wakaf pertanian yang telah berjaya dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ialah projek pertanian kelapa sawit negeri Pahang, projek tanaman nanas negeri Pulau Pinang dan Sungai Merab Luar, projek tanaman sayur-sayuran negeri Terengganu dan Kelantan serta projek tanaman sawah padi di negeri Perlis.

Selain itu, bertarikh 14 Jun 2022 satu inisiatif telah diperkenalkan oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan digiatkan pelaksanaanya dengan matlamat serta membawa anjakan baru dalam instrumen wakaf melalui segmen pertanian iaitu Wakaf Pertanian Bersepadu

(WATANI) yang bertempat di Putajaya dengan tanah seluas 10 ekar. Disamping itu, dalam parlimen keempat belas 2022, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 3 juta kepada YWM bagi melaksanakan projek wakaf WATANI.

Berdasarkan kajian lepas di atas, sumbangan wakaf secara umum adalah bersifat inklusif untuk semua, manakala sumbangan wakaf yang dikhatuskan kepada OKU lebih tertumpu kepada kemudahan dalam aspek kesihatan. Ini kerana dalam hal melibatkan OKU, antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah aspek kesihatan. Menurut Amin, A. S., & Manap, J. (2015) bagi OKU yang mendapat simptom penyakit ataupun kecederaan, kekangan kewangan dan geografi telah menyebabkan mereka tidak mendapat rawatan perubatan awal dan akibatnya menjadi kurang upaya kekal. Setelah menjadi kurang upaya fizikal, mereka terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran dalam mendapatkan akses kepada pendidikan formal.

Akibatnya sebahagian daripada mereka tidak dapat meneruskan pengajian dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Implikasinya mereka sukar untuk mendapat peluang pekerjaan dan terdedah kepada risiko kemiskinan. Justeru, akses kepada kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan dan bangunan terutamanya di kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan untuk mengurangkan risiko ketidakupayaan kekal dan membolehkan golongan OKU dapat berdikari serta memberi sumbangan kepada komuniti secara optimum. Justeru itu, artikel ini akan melihat kemudahan dan keistimewaan OKU yang sedia ada dan bagaimana projek wakaf kontemporari menyumbang dalam usaha menyokong OKU khususnya di Malaysia.

Program Wakaf Untuk OKU Dalam aspek pendidikan OKU, antara projek kemudahan OKU yang dibangunkan menerusi wakaf adalah pembangunan Pusat Autisme, aplikasi Android Quran Isyarat, alat mesin pencetak Braille serta wakaf van OKU. Pembangunan Pusat Autisme di Negeri Perlis berkonsepkan wakaf melalui program Wakaf Tunai MAIPs diusahakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Projek Fasa 1 bermula pada tahun 2021 melibatkan kos awal berjumlah RM1 juta. Pusat Autism ini merupakan sebuah pusat penjagaan dan pendidikan harian khusus kepada golongan anak-anak istimewa autism bagi memastikan perkembangan menyeluruh golongan istimewa ini melalui pendekatan terapi, kurikulum pendidikan dan latihan berdasarkan pekerjaan yang diperlukan oleh warga komuniti. Selain itu, pusat ini turut menyediakan latihan, pengajaran dan pembelajaran, pembangunan teknologi dan sumber pendidikan

Walaupun kerajaan telah membangunkan dasar, polisi dan menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan untuk OKU dalam pelbagai aspek kesihatan, pendidikan, sara hidup, ekonomi, pengangkutan, perumahan, perhubungan dan kebajikan. Namun tidak dapat dinafikan peningkatan jumlah OKU yang berdaftar di Malaysia juga menunjukkan bahawa lebih banyak keperluan dan kemudahan OKU perlu dipertingkatkan dan diberi perhatian.

Selain itu, sebuah Projek Aplikasi Android Quran Isyarat (Inovasi Perisian Quran Mesra OKU Pendengaran) juga telah dibangunkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 4 Oktober 2017. Aplikasi Quran Isyarat ini dinaik taraf dari perisian sebelumnya iaitu, i-Sign QurANIS yang dibangunkan sebagai *mobile application* melalui platform Android (sedia ada) dan iOS (akan datang). Quran Isyarat ini merupakan sebuah projek wakaf di bawah selia UMMI dengan kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat USIM (PWZ), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Yayasan FAQEH. Pembangunan projek ini bergantung

kepada dana wakaf yang disalurkan oleh masyarakat awam melalui <https://jominfaq.usim.edu.my>.

Dalam aspek kesihatan OKU pula, adanya Wakaf Mesra OKU yang merupakan kemudahan alat bantuan dan keperluan golongan OKU yang disediakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Tumpuan diberikan kepada OKU yang kurang berkemampuan, dari golongan asnaf atau kumpulan B40 yang berdaftar sebagai OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan atau pakar perubatan. Projek yang dijalankan adalah Bantuan Alat Sokongan atau Alat Tiruan bertujuan memberi bantuan kepada golongan OKU yang kurang berkemampuan untuk membeli alat sokongan atau alat tiruan seperti alat pendengaran, kaki palsu dan lain-lain yang bersesuaian dengan syarat mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan. Kadar sumbangan yang diberikan kepada OKU adalah mengikut harga sebenar alat bantuan/tiruan (YWM, 2022).

Dalam aspek Pembangunan Ekonomi OKU pula, Wakaf Be\$kill dilancarkan oleh YWM. Wakaf ini merupakan bantuan latihan dan modal perniagaan kepada golongan asnaf, kumpulan B40, ibu tunggal dan termasuk juga kepada OKU yang kurang berkemampuan dan berdaftar dengan JKM. Projek Penganjuran Latihan Asas Keusahawanan ini menyediakan latihan asas keusahawanan kepada kumpulan sasar yang terpilih bagi memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Kadar sumbangan adalah RM5,000.00 dalam bentuk geran bantuan perniagaan one off untuk setiap individu yang terpilih (YWM, 2022).

Walaupun begitu terdapat agensi kerajaan dan institusi pengajian memberi bantuan untuk meningkatkan kemahiran golongan OKU. Antaranya ialah Universiti Malaysia Terengganu bersama dengan Kebajikan Masyarakat Terengganu mengadakan beberapa latihan kemahiran terutamanya dalam bidang pertanian kepada golongan ini.

Oleh itu, satu inisiatif telah diambil oleh 2 penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) iaitu Dr. Wan Zaliha Wan Sembok dan Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi bagi membantu golongan ini dalam memajukan diri mereka. Ilmu dan teknologi dalam bidang pertanian adalah sangat luas dan mudah untuk diteroka serta diaplikasikan oleh golongan ini sebagai sumber pendapatan sampingan dalam Program *Silence Planters*. Teknologi penanaman tanpa tanah iaitu sistem fertigasi didefinisikan sebagai kaedah penanaman tanpa menggunakan tanah sebagai media pengakaran dan menggunakan baja inorganik sebagai sumber baja yang dialirkkan melalui air. Sebagai ganti tanah, sabut kelapa digunakan untuk memegang mineral nutrien yang dialirkkan melalui pengairan. Antara contoh teknologi tanpa tanah selain fertigasi adalah hidroponik, aquaponik serta *nutrient film technique* (NFT). Teknologi fertigasi merupakan teknik penanaman yang telah terbukti memberi kesan yang baik pada tanaman sayuran dan buah-buahan. Fertigasi adalah gabungan dua perkataan Inggeris iaitu *fertilizer* dan *irrigation*. Dalam sistem ini, pembajaan dan pengairan dilakukan secara serentak. Sistem fertigasi juga ialah satu kaedah tanaman alternatif bagi mengelakkan penyakit bawaan tanah yang mengurangkan dan merosakkan hasil tanaman. Antara tanaman yang terbukti mampu mengeluarkan hasil yang lumayan adalah tanaman cili, tomato ceri tanah rendah, timun batang, melon manis Terengganu (MMT), rockmelon dan sebagainya. Secara holistic, program *Silence Planters* ini dilihat mampu menjadi titik tolak ke arah membangun sahsiah dan ekonomi golongan OKU Pekak dan juga membuka mata masyarakat

luar bahawa mereka juga mampu bersaing dengan orang normal yang lain dalam bidang pertanian, khasnya.

Model Wakaf Oku Dalam Bidang Pertanian dalam Kontrak Muzara`ah atau Mukhabarah

Menurut bahasa *muzara`ah* berasal dari perkataan *zara`* yang bermaksud tanam yang merujuk kepada konsep pertanian dalam ekonomi islam. Ia adalah bentuk kontrak pertanian di mana pemilik tanah (*malik al-mawāti*) dan mengusahakan tanaman (*muzāri`*) memasuki perjanjian untuk membangunkan tanah dan membahagi hasil pertanian. Tiada rujukan khusus di dalam al-Quran berkaitan dengan konsep ini, tetapi prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pembahagian keuntungan, keadilan dan kerjasama dalam ekonomi Islam ada disebutkan. Rujukan daripada Imam Bukhari, dengan sabdanya yang bermaksud:

عَنْ الْمِقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ ذَوَّلَ عَلَيْهِ السَّلَامَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

Maksudnya:


Daripada al-Miqdam RA dari Rasulullah SAW bersabda “Tidak ada makanan yang dimakan seseorang itu, lebih baik daripada ia memakan makanan hasil usaha tangannya (bekerja) sendiri. Sesungguhnya Nabi Daud AS memakan makanan yang hasil dari usaha tangannya sendiri.” [Hadis Riwayat Bukhari: 1930]

Al-Muzara`ah juga disebut sebagai *mukhabarah* (kerjasama) iaitu satu bentuk muamalah di antara dua pihak apabila tanaman atau modal tersebut sebahagian besarnya adalah daripada pemilik tanah tersebut. Pengusaha tanah akan menyediakan anak benih atau pokok bagi tujuan pertanian dan hasil yang diperolehi akan dibahagikan mengikut perjanjian sebelum memulakan projek tanaman tersebut. Terdapat juga perbezaan iaitu *muzara`ah* biji benih dari pemilik tanah manakala *mukhabarah* benih dari pengusaha.

Menurut Yusuf al-Qardhawi, *muzara`ah* merupakan satu bentuk muamalah di mana pemilik tanah menyerahkan alat dan biji benih kepada yang hendak menanaminya serta akan memperoleh hasil yang telah ditentukan, seperti 1/2, 1/3, kurang atau lebih menurut persetujuan bersama (Farahdina Fazial, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Noor Hidayah Kasim, Ahmad Yumni Abu Bakar, Md Saufi Abdul Hamid, 2023).

Carta 1: Model 1 Kontrak *Muzara`ah*

Berdasarkan kontrak *muzara`ah* di carta1 terdapat tiga pihak yang terlibat dalam mengaplikasikan kontrak ini iaitu contohnya pemilik asal tanah Majlis Agama Islam Melaka




(MAIM), pengusaha tanaman atau institusi wakaf (syarikat atau individu) dan perkerja (orang kampung atau golongan asnaf).

- 1) Pengusaha tanaman atau institusi wakaf akan mengenal pasti tanah pertanian daripada pihak MAIM yang boleh diusahakan merangkumi status pemilikan, keluasan, tahap kesuburan dan sebagainya. Pihak MAIM akan membuat kepastian kemampuan pengusaha tanaman dalam mengendalikan urusan dan jenis pertanian. Akad *muzara'ah* akan berlaku apabila pengusaha tanaman dan pemilik tanah iaitu pihak MAIM kedua-duanya bersetuju.
- 2) Pemilik tanah akan menyerahkan tanah dan benih pokok kepada pengusaha tanaman untuk diusahakan mengikut syarat yang telah dipersetujui.
- 3) Pengusaha tanaman atau institusi wakaf akan membuka peluang kepada orang kampung atau golongan asnaf termasuk juga golongan kurang Upaya (OKU) dalam membantu mendapatkan perkerjaan dan menanggung kos sara hidup.
- 4) Hasil diperolehi dan pembahagian keuntungan akan diagihkan kepada tiga pihak iaitu pengusaha tanaman atau institusi wakaf, MAIM dan pekerja mengikut nisbah yang dipersetujui. Contohnya keuntungan dibahagikan antara pengusaha tanaman 1/3, pemilik tanah 1/3 dan pekerja 1/3.

Berdasarkan kontrak *mukhabarah* pula di carta 2 terdapat tiga pihak yang terlibat dalam mengaplikasikan kontrak ini iaitu contohnya pemilik asal tanah (MAIM), pengusaha tanaman atau institusi wakaf (syarikat atau individu) dan perkerja (orang kampung atau golongan asnaf).

- 1) Pengusaha tanaman atau institusi wakaf akan mengenal pasti tanah pertanian daripada pihak MAIM yang boleh diusahakan merangkumi status pemilikan, keluasan, tahap kesuburan dan sebagainya. Pihak MAIM akan membuat kepastian kemampuan pengusaha tanaman dalam mengendalikan urusan dan jenis pertanian. Akad *mukhabarah* akan berlaku apabila pengusaha tanaman dan pemilik tanah iaitu pihak MAIM kedua-duanya bersetuju.
- 2) Pemilik tanah akan menyerahkan tanah kepada pengusaha tanaman untuk diusahakan mengikut syarat yang telah dipersetujui. Namun demikian, penyediaan benih pokok daripada pengusaha tanaman.
- 3) Pengusaha tanaman atau institusi wakaf akan membuka peluang kepada orang kampung atau golongan asnaf termasuk golongan OKU dalam membantu mendapatkan perkerjaan dan menanggung kos sara hidup.
- 4) Hasil diperolehi dan pembahagian keuntungan akan diagihkan kepada tiga pihak iaitu pengusaha tanaman atau institusi wakaf, MAIM dan pekerja mengikut nisbah yang dipersetujui. Contohnya keuntungan dibahagikan antara pengusaha tanaman 1/3, pemilik tanah 1/3 dan pekerja 1/3.

Carta 2: Model 2 Kontrak Mukhabarah



KESIMPULAN

Pegenalan model wakaf pertanian kepada golongan kurang upaya (OKU) serta juga beberapa cadangan pelaksanaan dari kontrak *muzara`ah* atau *mukhabarah* serba sedikit telah menjadi pemungkin atau penggerak kepada pembangunan wakaf terutama dalam bidang pertanian. Kontrak yang mengaplikasikan wakaf pertanian ini boleh melibatkan sama ada 2 atau 3 pihak bergantung kepada keinginan seseorang untuk mengendalikannya. Terdapat banyak manfaat yang boleh diketengahkan, hasil daripada tujuan wakaf pertanian diwujudkan. Potensi wakaf ini diwujudkan sekaligus dapat membasi kemiskinan dan membantu meningkatkan pendapatan keluarga khususnya golongan OKU. Selain itu, wakaf juga mampu menjadi sekuriti makanan pada masa akan datang terutama pada isu berkaitan kehabisan makanan. Dijangka pada tahun 2025 akan berlakunya kemarau berpanjangan, dengan adanya alternatif seperti wakaf pertanian ini akan membantu bekalan makanan dari kehabisan dan keterjaminan makanan dapat dipelihara.

RUJUKAN

- Amin, A. S., & Manap, J. (2015). Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal Society & Space*, 11, 7-82.
- Amir Shahruddin. (2022, April 5). Wakaf pertanian tangani kos sara hidup, jamin sekuriti makanan. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/04/942538/wakaf-pertanian-tangani-kos-sara-hidup-jamin-sekuriti-makanan>
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Fairuz Zaidan. (2019, April 10). Manfaat tanah wakaf untuk jana ekonomi. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/04/551243/manfaat-tanah-wakaf-untuk-jana-ekonomi>
- Faridah Haji Puteh. (2021). *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi di Negara Brunei Darussalam: Kajian Sektor Pertanian*. Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Faridah Haji Puteh. 2019. Potensi Wakaf Terhadap Pertanian Di Negara Brunei Darussalam: Aplikasi Kaedah Islam. *Jurnal Ekonomi Sakti*. 8(2) 94-106.
- Hadi Ab Manap. (2023, Mac 11). Potensi Melaka Jadi Jelapang Padi Selatan. *Utusan Malaysia*.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/potensi-melaka-jadi-jelapang-padi-selatan/>
- Jominfaq USIM (2022). Dana Infaq Quran Isyarat.
<https://jominfaq.usim.edu.my/projects/index.php>

MAIPS (2020). MAIPs Bakal Tubuh Pusat Autism. https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=item&id=1224:maips-bakal-tubuh-pusat-autisme&Itemid=748&lang=en

Mohd Ali Muhamad Don. (2019). Teori wakaf, kepelbagaian dan contoh amalan di Malaysia. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 24-39.

Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), Mughni al-Muhtaj, Juz 2

Muhammad 'Ubayd al-Kabisi (1977), Ahkam al-Waqf fi as-Syari'ah al-Islami, Juz 2, Baghdad.

Sayuti Ab Ghani dan Burhanuddin Jalal. (2019, Februari 19). Model wakaf pertahanan relevan di Malaysia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/02/532450/model-wakaf-pertahanan-relevan-di-malaysia>

Noorfazreen Mohd Aris dan Asmak Ab Rahman. (2011). Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam: The Implementation of Food Security Policy in Malaysia: A Study from an Islamic Economics Perspective. *Jurnal Syariah*, 19(1), 39-62.

Nor Farhana Yacob. (2019, Januari 3). Manfaat teknologi baharu dalam sektor pertanian. *Sinar Harian*. [https://www.sinarharian.com.my/article/5409/edisi/melaka-ns/melaka-tengah--pemain-industri-pertanian-disarangkan-memanfaatkan-dan-mengaplikasikan-elemen-teknologi-baharu-dalam-mempertingkatkan-hasil-pertanian-mereka](https://www.sinarharian.com.my/article/5409/edisi/melaka-ns/melaka-tengah--pemain-industri-pertanian-disarankan-memanfaatkan-dan-mengaplikasikan-elemen-teknologi-baharu-dalam-mempertingkatkan-hasil-pertanian-mereka)

Sakinatul Raadiyah Abdullah. (2018). Kaedah Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Negeri Terpilih Di Malaysia. *PhD thesis, Universiti Sains Malaysia*.

Siti Halimah Putung Saini Ag. Damit, Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar dan Dg.Hafizah Binti Ag.Basir. (2013). Amalan Wakaf Di Sabah: Satu Tinjauan Awal. In *Proceedings International Conference Islam Borneo VI* (pp. 18-19).

Temubual bersama Muhammad Mustaqim Kamarauzaman. Penolong Pengarah (Pengembangan), Jabatan Pertanian Melaka pada 28 Februari 2024. Jam 3 petang.

Temubual bersama Jahari Abdol. Pegawai Adat (sidang) Solok Gaung Melaka pada 11 Mac 2024. Jam 11 pagi.

UMT (2020) UMT Bantu Oku Pekak Teroka Bidang Tani Sejarar Keperluan Semasa Wabak Pendemik Covid-19 <https://www.umt.edu.my/highlight-2020/umt-researchers-help-deaf-community-venture-into-agriculture/?lang=ms>

Wahbah al-Zuhaili. (1999). *Fiqh Perundangan Islam*, terj. Dr. Ahmad Shahbari Salamon et.al. jilid (5). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) (2022). Tajaan. <https://www.ywm.gov.my/tajaan>